

**KESESUAIAN PIAWAIAN KEMUDAHAN SEKOLAH YANG DIGUNAKAN
SEBAGAI ASAS PERANCANGAN DI BANDAR SHAH ALAM
KES KAJIAN : SEKOLAH RENDAH DAN MENENGAH
DI UTARA SHAH ALAM**

oleh

NORWATI BTE MOHD YUNUS

**Jabatan Perancangan Bandar dan Wilayah
Kajian Senibina Perancangan dan Ukur
Institut Teknologi Mara
Shah Alam**

MEI, 1996

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, saya mengucapkan setinggi syukur kehadrat Allah s.w.t. kerana dengan limpah kurniaNya, dapat saya menyiapkan kajian akhir ini dengan jayanya.

Di atas kesempatan yang ada, saya mengucapkan setinggi terima kasih kepada pensyarah selaku penyelia dalam kajian akhir ini, Encik Wan Salleh bin Wan Ibrahim yang telah memberi nasihat dan tunjuk ajar dalam penyediaan kajian akhir ini.

Tidak lupa juga saya ingin merakamkan terima kasih yang tidak terhingga kepada suami yang dikasihi, Abdul Karim Mohd Yusof serta anak-anak saya yang sentiasa memberi dorongan dan bantuan bagi menyelesaikan kajian akhir ini. Begitu juga terhadap ibu dan bapa saya yang kerap memberi sokongan dan nasihat yang diperlukan.

Kajian akhir ini tidak mungkin dapat disempurnakan tanpa kerjasama berbagai pihak yang terlibat. Ribuan terima kasih dan penghargaan diucapkan kepada:-

ABSTRAK

Kajian ini bertajuk 'Kesesuaian Piawaian Kemudahan Sekolah Yang Digunakan Sebagai Asas Perancangan Di Bandar Shah Alam' yang dijalankan berdasarkan kepada isu dan masalah yang timbul di kawasan kajian.

Kedudukan kawasan kajian adalah di bahagian utara Shah Alam. Ia adalah sebahagian kawasan Shah Alam yang lengkap dengan berbagai aktiviti seperti perumahan, kemudahan awam, perdagangan dan perindustrian.

Kajian yang dijalankan memberi tumpuan kepada kemudahan sekolah di dalam kawasan kajian oleh Majlis Perbandaran Shah Alam dan Jabatan Pendidikan sebagai pihak yang bertanggungjawab untuk merancang dan membangunkan sekolah.

Hasil dari analisa kajian ini beberapa penemuan terutamanya dari segi rekabentuk fizikal dan alam sekitar sekolah tidak mempunyai gabungan yang mampat bagi mewujudkan sesebuah sekolah itu dengan berkesan.

Berdasarkan kepada penemuan ini, peringkat cadangan kajian akan mengemukakan langkah positif untuk mempertingkatkan lagi keberkesanan sekolah di kawasan utara Shah Alam.

Penghargaan	i
Abstrak	iii
Senarai Jadual	v
Senarai Rajah	vii
Senarai Pelan	viii
Senarai Lampiran	ix

KANDUNGAN

M.S

BAB 1 PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan	1
1.1 Kenyataan Masalah	3
1.2 Kepentingan Kajian	4
1.3 Tujuan Dan Objektif	5
1.3.1 Tujuan	5
1.3.2 Objektif	5
1.4 Skop Kajian	6
1.5 Kawasan Kajian	7
1.6 Kaedah Kajian	10
1.6.1 Pembentukan Matlamat Dan Objektif	10
1.6.2 Kajian Awalan	10
1.6.3 Pengumpulan Maklumat	10
1.6.4 Analisa	13
1.6.5 Penemuan	13
1.6.6 Cadangan	14
1.7 Rumusan	14

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Dalam perancangan sesebuah bandar baru yang telah dirancang atau pun kawasan perumahan pembekalan dan penyusunan kemudahan sekolah adalah amat penting. Kemudahan sekolah diadakan untuk memenuhi keperluan penduduk di samping untuk aktiviti-aktiviti yang berfaedah. Kemudahan sekolah ini juga dapat menyepadukan semua golongan manusia kerana ianya mempunyai hubungkait yang rapat dengan penduduk.

Jumlah atau bilangan kemudahan sekolah yang akan diadakan bergantung kepada jumlah penduduk dan strukturnya di kawasan itu. Di samping itu penyesuaian tapak dan lokasi adalah faktor utama yang diberi perhatian dalam merancang perletakkan kemudahan sekolah. Oleh itu, kemudahan sekolah dirancang mengikut setiap kemudahan awam yang dirancang mengikut piawaian perancangan yang telah ditentukan oleh pihak Kerajaan Tempatan.